

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 11 FEBRUARI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 23

Kawalan harga berkesan bendung kenaikan inflasi

Kawalan harga berkesan bendung kenaikan inflasi

Pelaksanaan kawalan harga didapati berkesan dalam membendung kenaikan keterlaluan harga barang dalam persekitaran inflasi global yang tinggi, demikian menurut Bank Negara Malaysia (BNM).

Penolong Gabenor BNM, Fraziali Ismail, berkata Malaysia seperti beberapa negara lain melaksanakan kawalan harga bagi membendung inflasi.

Beliau berkata, pelaksanaan kawalan harga itu berkesan dan membantu membendung kena-

kan harga yang terlalu tinggi dalam negara, terutama membabitkan harga minyak dan beberapa item lain.

"Kawalan harga membantu membendung paras harga di Malaysia. Tanpa kawalan harga, inflasi keseluruhan mungkin boleh meningkat lebih sekali ganda.

"Namun, langkah ini hanya sementara memandangkan pelaksanaannya memberi kesan kepada kedudukan fiskal kerajaan, Fraziali berkata, pelaksanaan kawalan harga juga mempengaruhi paras pengeluaran di negara ini kerana ia memberi impak terhadap kos dan perbelanjaan pengeluar.

perlu diberi pertimbangan menuju ke depan," katanya pada sidang media mengumumkan prestasi ekonomi suku keempat 2022 di Kuala Lumpur, semalam.

Subsidi besar

Selain memberi kesan kepada kedudukan fiskal kerajaan, Fraziali berkata, pelaksanaan kawalan harga juga mempengaruhi paras pengeluaran di negara ini kerana ia memberi impak terhadap kos dan perbelanjaan pengeluar.

Justeru, beliau berkata, pelaksanaan kawalan harga perlu dimansuhkan dan masa sesuai untuk melakukannya ialah ketika persekitaran harga stabil.

Malah, katanya, peralihan daripada pelaksanaan subsidi pukal kepada subsidi bersasar adalah amat diperlukan.

BNM menjangkakan inflasi keseluruhan dan inflasi teras akan sederhana tetapi kekal tinggi pada 2023 dalam keadaan tekanan kos dan permintaan yang berlarutan. Inflasi teras dijangka kekal

tinggi dalam jangka masa terdekat, sebahagiannya disebabkan oleh kesan asas yang rendah pada separuh pertama 2022.

Kawalan harga dan subsidi bahan api sedia ada serta lebihan kapasiti dalam ekonomi yang masih ada akan terus membendung sebahagian daripada tahap tekanan inflasi yang meningkat.

Prospek inflasi kekal sangat bergantung pada sebarang perubahan dasar dalam negeri serta perkembangan harga komoditi global.